SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2023 Pengajian Am Semester 2 KTE Seri Putera + Skema

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Bahagian A
[15 markah]

Jawab **semua** *soalan.*

1. Nyatakan **empat** kepentingan keharmonian agama kepada negara Malaysia berdasarkan Prinsip Rukun Negara kepercayaan kepada Tuhan. [4 markah]

i. .....

ii. .....

iii. .....

iv. .....

2. Nyatakan **dasar yang berkaitan** dengan setiap objektif berikut. [3 markah]

i. Memastikan keperluan asas individu, keluarga dan masyarakat dipenuhi:

.....

ii. Mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara melalui kebudayaan:

.....

iii. Membentuk masyarakat yang sihat, berdisiplin dan bersatu padu:

.....

3. Huraikan **dua** kesan ketidakstabilan politik terhadap pembangunan negara. [4 markah]

i. .....

.....

ii. .....

.....

4. Huraikan **dua** bukti bahawa perbuatan manusia telah menjejaskan keseimbangan ekologi persekitaran. [4 markah]

i. .....

.....

ii. .....

.....

Bahagian B
[20 markah]

Jawab **satu** *soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.*

5. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan **graf** yang sesuai untuk menunjukkan kuantiti kargo yang dikendalikan untuk eksport dan import di pelabuhan terpilih dari tahun 2013 hingga tahun 2015 di Semenanjung Malaysia.

Pendapatan negara Malaysia banyak bergantung kepada perdagangan antarabangsa melalui eksport dan import. Aktiviti perdagangan ini dilakukan dengan pelbagai cara termasuklah melalui pelabuhan yang ada di Semenanjung Malaysia. Antara pelabuhan yang terlibat mengendalikan kargo untuk eksport dan import ialah Pulau Pinang, Port Dickson dan Kuantan.

Pada tahun 2013, kuantiti kargo yang dikendalikan untuk eksport melalui ketiga-tiga pelabuhan ini berjumlah 31,666 ribu freighweight tan (FWT). Kuantiti kargo yang dikendalikan untuk eksport melalui Pelabuhan Pulau Pinang sebanyak 13,584 ribu freighweight tan (FWT) diikuti Pelabuhan Port Dickson sebanyak 2,982 ribu freighweight tan (FWT), manakala Pelabuhan Kuantan sebanyak 15,100 ribu freighweight tan (FWT). Pada tahun berikutnya, kuantiti kargo yang dikendalikan untuk eksport melalui Pelabuhan Pulau Pinang bertambah sebanyak 44 ribu freighweight tan (FWT), Pelabuhan Port Dickson mengalami penurunan sebanyak 512 ribu freighweight tan (FWT). Manakala Pelabuhan Kuantan bertambah sebanyak 1900 ribu freighweight tan (FWT). Pada tahun 2015, kuantiti kargo yang dikendalikan untuk eksport melalui Pelabuhan Pulau Pinang, Port Dickson dan Kuantan masing-masing berjumlah 16,421 ribu freighweight tan (FWT), 2,332 ribu freighweight tan (FWT) dan 36,253 ribu freighweight tan (FWT).

Kuantiti kargo yang dikendalikan untuk import pula menunjukkan lebih rendah berbanding dengan kuantiti kargo yang dikendalikan untuk eksport. Pada tahun 2013, kuantiti kargo yang dikendalikan untuk import melalui ketiga-tiga pelabuhan ini berjumlah sebanyak 30,908 ribu freighweight tan (FWT), yang mana Pelabuhan Pulau Pinang mengendalikan sebanyak 16,496 ribu freighweight tan (FWT), manakala Pelabuhan Port Dickson dan Kuantan masing-masing sebanyak 10,179 ribu freighweight tan (FWT) dan 4, 233 ribu freighweight tan (FWT). Pada dua tahun berikutnya, menunjukkan peningkatan dan penurunan kuantiti kargo yang dikendalikan untuk import bagi pelabuhan yang mengendalikannya. Pelabuhan Pulau Pinang menunjukkan penurunan kuantiti kargo yang dikendalikan untuk import kepada 16,421 ribu freighweight tan (FWT), manakala pada tahun 2015 meningkat sebanyak 254 ribu freighweight tan (FWT).

Bagi Pelabuhan Port Dickson, kuantiti kargo yang dikendalikan untuk import pada tahun 2014 sebanyak 9,542 ribu freighweight tan (FWT) dan meningkat agak ketara pada tahun berikutnya kepada 11,715 ribu freighweight tan (FWT). Peningkatan kuantiti kargo yang dikendalikan untuk import ini berlaku kerana banyak bahan khususnya peralatan moden berupa mesin yang digunakan untuk pembangunan perindustrian di negeri-negeri selatan Semenanjung. Manakala di Pelabuhan Kuantan, kuantiti kargo yang dikendalikan untuk import semakin menyusut kepada 4,365 ribu freighweight tan (FWT) pada tahun 2014 dan menurun lagi kepada 3,775 ribu freighweight tan (FWT) pada tahun 2015. Pelabuhan Kuantan antara pelabuhan yang penting di Pantai Timur banyak mengendalikan kargo sama ada untuk eksport atau import.

Perdagangan Malaysia dengan negara luar yang semakin meningkat setiap tahun menunjukkan perkembangan ekonomi yang semakin baik. Malaysia perlu menggandakan usaha untuk meningkatkan eksport bagi mencapai imbangan dagangan yang positif.

(Dipetik dan diubahsuai daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016)

6. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan **carta** yang sesuai untuk menunjukkan jumlah pelajar pendidikan jarak jauh mengikut kursus yang ditawarkan di universiti-universiti terpilih pada tahun 2007.

Bagi menambahkan jumlah golongan yang berpendidikan tinggi dalam negara ini, mulai tahun 2007, semua universiti awam di negara ini telah menawarkan kursus pendidikan jarak jauh kepada pelajar yang layak.

Kursus Sains Kemasyarakatan menawarkan tempat yang paling banyak berbanding kursus lain. Seramai 4024 orang ditawarkan mengikuti kursus ini. Kursus dalam Teknologi Maklumat, pula ditawarkan kepada 2943 orang. Disebabkan ramai ingin melanjutkan pelajaran dalam bidang pendidikan, maka kursus yang berkaitan dengan pendidikan menawarkan tempat kepada sejumlah 3142 orang, iaitu melebihi tawaran kursus Teknologi Maklumat sebanyak 199 tempat. Kursus dalam bidang Komunikasi Massa pula ditawarkan kepada 2489 orang, manakala selebihnya diperuntukkan untuk kursus-kursus lain.

Seramai 13602 pelajar setakat ini telah mendaftar di 4 buah universiti yang menyediakan pelbagai kursus dalam program pendidikan jarak jauhnya. Daripada jumlah ini, sebanyak 3573 orang pelajar berdaftar di Universiti Malaya. Kebanyakan mereka mengikuti kursus dalam bidang Sains Kemasyarakatan dan Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia mencatat angka yang tertingg iaitu 4029 orang, 456 orang lebih daripada jumlah yang ditawarkan oleh Universiti Malaya. Manakala Universiti Sains Malaysia yang telah memulakan program ini dengan nama “Kursus Luar Kampus,” mencatat jumlah kedua tertinggi, iaitu sebanyak 3933 orang, sementara Universiti Putra Malaysia mengambil jumlah pelajar yang kurang sebanyak 47.44% berbanding dengan jumlah tawaran oleh Universiti Sains Malaysia.

Dijangkakan jumlah itu akan meningkat tahun demi tahun memandangkan permintaan terhadap pendidikan jarak jauh amat menggalakkan.

(Disesuaikan daripada *Buletin SukuTahunan*
Universiti Malaya, Julai 2007)

KOLEJ TINGKATAN ENAM SERI PUTERA

SKEMA PERCUBAAN SEMESTER 2/ 2023

BAHAGIAN A

1. Nyatakan **tiga** kepentingan keharmonian agama kepada negara Malaysia berdasarkan Prinsip Rukun Negara kepercayaan kepada tuhan. [3m]

Skema Jawapan	
Bil	**Idea/Isi**
1.	Melahirkan masyarakat yang mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan.
2.	Memupuk perasaan saling menghormati kepercayaan/agama
3.	Menjadikan satu bangsa berdaulat.
4.	Perpaduan masyarakat dapat dipereratkan
5.	Meningkatkan persefahaman/toleransi rakyat
6.	Mengurangkan konflik rakyat
7.	Meningkatkan keamanan/kesejahteraan rakyat

2. Nyatakan dasar yang berkaitan dengan setiap objektif berikut: [3m]

1	Memastikan keperluan asas individu, keluarga dan masyarakat dipenuhi.	Dasar Sosial Negara
2	Mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara melalui kebudayaan.	Dasar Kebudayaan Kebangsaan
3	Membentuk masyarakat yang sihat, berdisiplin dan bersatu padu.	Dasar Sukan Negara

3. Huraikan **dua** kesan ketidakstabilan politik terhadap pembangunan negara [4m]

Bil.	**Idea**	**Huraian**
1	Keyakinan pelabur asing terjejas	● Pelabur tidak berminat untuk melabur
2	Kemasukan pelancong asing berkurang	● Kedatangan pelancong merosot
3	Kesejahteraan hidup rakyat terjejas	● Mencetuskan suasana huru-hara dan kemusnahan harta benda awam serta penduduk
4	Ekonomi negara tergugat	● Kegiatan ekonomi akan tergendala dan terhenti
5	Imej negara terjejas	● Imej negara dipandang rendah oleh pihak luar
6	Pembangunan negara terjejas	● Aktiviti pembangunan yang dirancang terganggu dan tidak lancar
7	Perpecahan masyarakat	● Membuka ruang permusuhan, pergaduhan keadaan tidak selamat

SOALAN 6.
Carta Pai Bertingkat

MALAYSIA : JUMLAH PELAJAR PENDIDIKAN JARAK JAUH MENGIKUT KURSUS YANG DITAWARKAN DI UNIVERSITI-UNIVERSITI TERPILIH PADA TAHUN 2007

Jenis Kursus	**Jumlah Pelajar (orang)**	**Peratus (%)**	**Sudut (◦)**
Sains Kemasyarakatan	4024	29.58	106.48
Teknologi Maklumat	2943	21.64	77.9
Pendidikan	3142	23.10	83.16
Komunikasi Massa	2489	18.30	65.88
Kursus-kursus lain	1004	7.38	26.57
Jumlah	**13602**	**100**	**360**
Universiti	**Jumlah Pelajar (orang)**	**Peratus (%)**	**Tinggi (cm)**
Universiti Malaya	3573	26.27	2.6
Universiti Kebangsaan Malaysia	4029	29.62	3.0
Universiti Putra Malaysia	2067	15.2	1.5
Universiti Sains Malaysia	3933	28.91	2.9
Jumlah	**13602**	**100**	**10**

(Disesuaikan daripada *Buletin SukuTahunan*
Universiti Malaya, Julai 2007)

BAHAGIAN C

7. Rakyat Malaysia yang hebat adalah rakyat yang berpegang teguh kepada Rukun Negara. Kurangnya penghayatan terhadap prinsip Rukun Negara terutama dalam jiwa generasi muda telah membawa kepada pelbagai permasalahan berlaku . Bincangkan.

Pengenalan

Rakyat Malaysia terutama generasi muda seharusnya diingatkan menjadikan Rukun Negara sebagai amalan hidup. Kurang pegangan terhadap Rukun Negara boleh membawa kepada pelbagai masalah.

Bil	Idea	Huraian
1.	Hilang jati diri	-Mudah terpengaruh dengan budaya asing. -Budaya tradisional dianggap ketinggalan zaman -Mengagungkan budaya asing yang dianggap lebih bertemadun, moden dan memenuhi cita rasa. -Masyarakat tidak berdisiplin -Tidak berani menghadapi cabaran
2.	Meningkatnya gejala sosial	-Perbuatan yang bercanggah dengan norma masyarakat dan undang-undang berlaku secara berleluasa. -Nilai kemanusiaan, keagamaan dan prinsip mpral semakin menipis.
3.	Menggugat keselamatan negara	-Meningkatnya kejadian jenayah -Rakyat merasa tidak selamat -Keamanan negara tergugat
4.	Perpaduan semakin goyah	-Tidak menghormati hak kaum lain -Rasa curiga yang menebal -Interaksi sosial yang terbatas -tidak memahami budaya kaum-kaum lain. -berlaku pergaduhan kaum. -Hubungan antara kaum semakin keruh.
5.	Kurangnya semangat patriotik	-Terdapat rakyat tidak bangga menjadi warga negara Malaysia. -Lebih mengagungkan negara barat. -Tidak berminat menyertai pasukan keselamatan bagi mempetahankan negara. -Semangat patriotisme diketepikan.
6.	Kedaulatan negara tergugat	-Negara akan lemah -Mudah diancam oleh kuasa luar dan dalam negara sendiri -Rakyat menerima rasuah -Rakyat membocorkan maklumat sulit negara -Melakukan kegiatan penyeludupan
7.	Menjejaskan imej negara	-Ketidak stabilan politik -provokasi dalam politik -Rasuah yang meluas -Ketidakamanan negara -berlaku rusuhan dan huru – hara -dipandang buruk oleh negara lain
8.	Ketidakstabilan politik	-Terdapat pihak yang memanipulasi isu-isu sansetif -Berlaku provokasi di kalangan parti-parti politik. -Kebebasan berpolitik dan bersuara disalah gunakan atas nama demokrasi. -Berlaku huru-hara dan rusuhan dalam negara -Perlembagaan dan undang-undang negara tidak dihormat.

Kesimpulan

Seluruh rakyat Malaysia perlu menghayati dan mengamalkan Rukun Negara sebagai satu cara hidup bukannya hanya setakat menghafal sahaja. Penghayatan terhadap Rukun negara akan memelihara keharmonian rakyat Malaysia.

Pilihan Jawapan : 5+0

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar